

**PERKEMBANGAN PERKAMUSAN ARAB :  
KITAB AL-AYN KARYA AL-KHALIL BIN  
AHMAD AL-FARAHIDI**

Wan Amar Ikram Wan Abdullah & Hakim Zainal

**ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan mengenai sejarah perkembangan permulaan penyusunan perkamusan Arab yang bermula pada zaman Abbasiyah pertama. Ilm Maa'jim atau leksikologi merupakan hasil ilham daripada sasterawan arab yang hebat iaitu al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi dalam menyusun semula kosa kata yang dikumpul oleh sarjana Arab terdahulu membentuk satu kitab dengan menggunakan kaedah yang diciptakan oleh beliau sendiri berdasarkan makharij al-huruf (tempat keluarnya huruf). Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis isi kandungan yang terdapat kitab-kitab dan buku rujukan yang berkaitan dengan sejarah permulaan penyusunan perkamusan Arab terutamanya metode taqlibat al-sawtiyyah yang mana metode ini adalah kaedah pertama yang digunakan dalam penghasilkan kamus Arab. Dapatkan kajian mendapati bahawa al-Khalil merupakan seorang sarjana nahwu yang hebat, pelopor kepada ilmu penyusunan perkamusan Arab, pengasas kepada ilmu arudh dan tanda baca. Selain itu juga, beliau telah menghasilkan karya pertamanya iaitu Kitab al-Ayn yang mana ianya menjadi sumber rujukan utama sasterawan Arab dalam penciptaan semula kaedah penyusunan perkamusan Arab baru yang lain.

**Kata kunci:** *Kitab al-Ayn, Al-Khalil bin Ahmad*

**PENGENALAN**

Leksikologi atau ‘ilm Ma‘ajim merupakan salah satu daripada cabang linguistik. Berdasarkan Taufiqurrochman (2008) telah mendefinisikan leksikologi sebagai ilmu pengetahuan yang mendalamai makna dan erti kosa kata yang terdapat dalam sesebuah kamus (ilmu perkamusan). Selain itu juga, al-Khalil secara ringkasnya menterjemahkan istilah *lexicology* sebagai sebutan *ilm mufradat* (ilmu kosakata) dengan memberikan beberapa istilah lain yang boleh digunakan dalam ilmu perkamusan Arab seperti *ilm alAlfadz*, *al-Laffadzah*, *Ilm Dalalah Mu‘jamiyyah* dan sebagainya. Kepentingan ilmu perkamusan mula disedari apabila wujudnya keperluan kepada makna bagi sesebuah perkataan dalam sesuatu bahasa. Ianya juga penting bagi seseorang yang baru mempelajari bahasa baharu dalam memahami istilah

sesuatu bahasa. Dalam bahasa Arab, *Kitab al-Ayn* merupakan kamus pertama yang menggunakan metode penyusunan yang telah dikarang oleh al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi dengan menggunakan sistem *makharij al-huruf* (tempat keluarnya huruf). Kitab ini merupakan kitab sumber pertama (sumber primer) yang menjadi rujukan kepada sasterawan lain dalam membina kamus bahasa Arab yang baru sehinggalah kamus moden tercipta.

### **PENYATAAN MASALAH**

Penguasaan kosa kata memainkan peranan yang besar bagi seseorang untuk menguasai sesuatu bahasa. Kaedah penguasaan kosa kata juga boleh didapati dengan pelbagai cara antaranya dengan merujuk kamus sesuatu bahasa yang ingin dituturi. Sesebuah kamus itu mempunyai kaedah yang tersendiri dalam penyusunannya perkataannya. Sebagai contoh dalam kamus bahasa Arab sahaja mempunyai empat metode penyusunan pendekatan untuk mencari makna perkataan. Metode sesebuah kamus perlu ketahui terlebih dahulu sebelum mencari sesuatu makna. Setiap kamus mempunyai metode yang tersendiri, berjaya atau tidak bagi seseorang dalam pencarian satu-satu makna perkataan banyak bergantung kepada sejauh manakah pengetahuannya terhadap metode sesuatu kamus berkenaan. Berbalik kepada generasi hari ini, sejauh manakah para pelajar mengetahui tentang sejarah penyusunan bagi sesuatu kamus Arab atau hanya sekadar menggunakan kamus dengan membuta tuli tanpa mengetahui asal usul sejarah dan kaedah penyusunannya? Dengan mengetahui metode yang digunakan, semestinya akan mudah kepada seseorang untuk mencari makna bagi sesuatu perkataan. Oleh hal demikian, pengkaji telah menjalankan satu kajian mengenai sejarah awal perkamusan Arab melalui *Kitab al-Ayn* yang telah dikarang oleh al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi yang menggunakan kaedah *taqlibat sawtiyyah* dalam penulisan beliau.

### **OBJEKTIF**

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan di atas, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif utama kajian yang harus dijawab. Antara objektif kajian tersebut adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji sejarah awal penyusunan perkamusan Arab dan faktor perkembangan ilmu tersebut.
2. Untuk mengkaji biodata al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi sebagai pelopor kepada ilmu perkamusan Arab dan sumbangansumbangannya.

3. Untuk mengkaji metode penyusunan yang telah digunakan oleh al-Khalil dalam penyusunan *Kitab al-Ayn* dan keistimewaannya.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian ini penting untuk mengetahui sejarah perkembangan perkamusan Arab telah dipelopori oleh Khalil bin Ahmad al-Farahidi melalui karya pertamanya *Kitab al-Ayn*. Kajian ini telah memberi beberapa implikasi terhadap perkembangan dalam penyusunan perkamusan Arab dan kehebatan penulisnya dalam menyusun kitab tersebut. Penelitian terhadap kitab ini dapat mendedahkan maklumat yang tersurat dan tersirat di samping dapat mengetahui tentang keistimewaan dan metode penyusunan kitab tersebut . Selain itu, ianya juga telah menerangkan tentang manhaj atau metode yang digunakan dalam penyusunan kamus tersebut bagi menyenangkan pengkaji dan pelajar dalam menggunakan. Pada masa yang sama, kajian ini ada menerangkan tentang cara untuk mencari makna bagi sesuatu kalimah dengan menggunakan kaedah *Taqlibat al-Sawtiyyah* di dalam *Kitab al-Ayn*. Semoga hasil kajian ini akan menjadi rujukan kepada para pengkaji dan pelajar seterusnya memudahkan rujukan mereka. Pada masa yang sama juga, diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua.

### **METODE KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu melibatkan kaedah analisis dokumen dengan menggunakan teknik analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Kajian bermula dengan proses menganalisis kandungan yang terdapat kitab-kitab dan buku rujukan yang berkaitan mengenai sejarah awal kepada penyusunan perkamusan melalui *Taqlibat al-Sawtiyyah* yang mana terdapat dalam *Kitab al-Ayn*. Setelah analisis kandungan selesai dilakukan, kaedah penyelidikan deskriptif pula digunakan untuk menjelaskan hasil penemuan daripada proses analisis yang dilaksanakan. Bagi menganalisis kitab ini, pengkaji perlu mengikut prosedur analisis kandungan yang betul iaitu mengenal pasti bahan yang hendak dianalisis seterusnya membentuk satu sistem khas untuk merekodkan aspek-aspek khusus dalam dokumen tersebut.

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **Pengertian Istilah Ilmu Perkamusan**

Dalam bahasa Arab perkataan *Mu'jam* berasal dari huruf *ayn*, *jim* dan *mim*. Apabila digabungkan ianya menjadi ﴿عجم﴾, perkataan ﴿عجم﴾ yang membawa maksud kesamaran, tersembunyi dan tidak jelas atau tidak fasih (Abu Abdullah & Nur Azlina 2011). perkataan *a'jam* sinonim

dengan kata *abham* yang bermaksud “sesuatu yang tidak jelas”. Berdasarkan perkataan “عجم” di nisbahkan kepada “العجمي” dan “لا عجمي” yang memberi maksud orang bukan Arab dan tidak mampu menggunakan bahasa Arab dengan baik seperti penutur Arab (Ibn Manzur 1994).

Ibnu Jinni pula mengistilahkan perkataan “*al-Mu’jam*” sebagai alat atau cara bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi untuk menghuraikan maksud daripada kata-kata mereka yang mempunyai kesamaran. Hal ini disokong dengan istilah “*al-Mu’jam*” yang bertepatan dengan kaedah tatabahasa arab iaitu penambahan “*al-Mim*” pada asal perkataan “*ayn, jim* dan *mim*” menjadikan perkataan tersebut sebagai *ism al-Alat* (kata alat) yang menjadi alat penerang kepada kesamaran. Ibnu Jinni berkata “Aku mengetahui bahawa ‘*aja-ma* dalam perkataan orang-orang Arab digunakan untuk menyebut sesuatu yang belum jelas atau masih samar.” Maka, kata *mu’jam* adalah lawan kata (antonim) dari kata *bayan, fasih* yang bererti jelas.

Dalam *Ma’ajim al-Lughawiyah* pula mengistilahkan *Mu’jam* atau kamus sebagai sebuah buku yang mengumpulkan kosa kata bahasa mengikut susunan tertentu dan disertakan huraian melalui bahasa pertama dan kedua. Ianya dilengkapi dengan beberapa maklumat yang dapat memberi faedah kepada pengkaji, penyelidik dan pembaca kepada makna sebenar kosa kata yang dicari (Ibrahim Naja' 2008). Mengikut Kamus Dewan pula, perkataan kamus adalah bermaksud “buku yang mengandungi kata-kata dan lain-lain (yang disusun menurut abjad) dengan keterangan mengenai makna perkataan dan lain-lain” (Teuku Iskandar 1991).

Menurut C. L. Barnhart, kamus merupakan sebuah buku yang mengandungi kosa kata yang secara umumnya disusun mengikut urutan abjad (*alphabet*) dengan disertai penjelasan makna dan dilengkapi dengan maksud lain yang berhubung dengan kosa kata tersebut, penjelasan kosa kata tersebut menggunakan bahasa yang kata sama atau pun dengan menggunakan bahasa yang lain. Menurut Dr. Ali al-Qasimy pula, leksikologi (*ilm al-ma’ajim*) atau ilmu kosa kata adalah ilmu yang membahas tentang kosa kata dan maknanya dalam sebuah bahasa atau beberapa bahasa (Fati Churohmah 2016).

Emil Ya’qub pula mendefinisikan perkataan *mu’jam* sebagai “buku yang mengandungi banyak bilangan perkataaan serta lengkap dengan pengertian dan makna. Perkataaan-perkataan tersebut tersusun rapi mengikut tertib atau susunan yang khusus, sama tertib *hijai’yyah* atau *manhaj-manhaj* lain” (Emil Ya’qub 1985).

Berdasarkan beberapa pengertian di atas, pengkaji merumuskan secara keseluruhannya perkataan kamus atau *mu'jam* merupakan lembaran buku yang mengandungi pelbagai perkataan dalam sesuatu bahasa dengan huraian pengertian makna dan penggunaannya mengikut bidang tertentu yang menurut susunan tertentu sama ada mengikut huruf *hijaiyyah* atau lain-lain.

### **Penggunaan Istilah *al-Mu'jam* dan *al-Qamus***

Berdasarkan penelitian, pengkaji tidak dapat memastikan pengguna awal yang menggunakan istilah *al-Mu'jam* sebagai tajuk hasil karya mereka disebabkan oleh kebanyakan peninggalan hasil karya orang Arab telah pun hilang ditelan zaman (Husayn Nassar 1988). Apa yang diketahui, penggunaan awalnya mula digunakan oleh ahli hadith, mereka menggunakan perkataaan ini pada buku yang mengumpul nama-nama sahabat serta perawi hadith. Imam al-Bukhari (810-870M/256H) telah mengumpulkan nama pejuang-pejuang Islam bersama Rasullulah SAW semasa peperangan Badar dalam sahinya disusun mengikut huruf *mu'jam* (*Hijaiyyah*) dan kitab *al-Tarikh al-Kabir* oleh beliau yang mengumpulkan nama-nama tokoh hadith beserta sanad mengikut huruf *mu'jam*. Ianya disusuli pula dengan kitab *mu'jam* sahabat karangan Abu Ya'la Ahmad bin Ali bin al-Muthanna (919M/307H) (Husaimi 2002).

Penggunaan istilah “*al-Mu'jam*” mula digunakan secara meluas oleh para ilmuwan Islam seperti Abd Allah bin Muhammad bin Abd al-Aziz al-Baghawi (828-929M/315H) dengan kitabnya *al-Mu'jam Kabir* dan *al-Mu'jam Saghir* (Emil Ya'qub 1985). Tokohtokoh al-Quran pula menjadikan perkataan “*al-Mu'jam*” sebagai tajuk karangan mereka seperti *al-Mu'jam al-Kabir wa al-Saghir wa al-Awsat* oleh Abu Bakr Muhammad bin al-Hassan al-Niqash al-Mawsili (880-962M/360H) yang memperkatakan tentang *qiraat al-Quran. Mu'jam Shuyukh* oleh Abu Bakr Ahmad bin Ibrahim al-Ismaili (910-982M) memperkatakan tokoh-tokoh yang ada hubungan dengan al-Quran (Abd al-Qadir Abd Jalil). Penggunaan lafaz ini tersebar meluas kepada kitab yang berfungsi mengumpul perkataan sama ada mengenai sastera, sejarah bahasa atau lain-lain seperti *Kitab Mu'jam al-Udaba wa al-Buldan* oleh Yakut bin Abd Allah al-Hamawi. Pada masa yang sama, tokoh-tokoh bahasa mengumpulkan perkataan dan membukukannya tanpa menggunakan perkataan “*al-Mu'jam*” sebagai hasil mereka. Malah mereka menamakan dengan *al-Ayn, al-Jamharah al-Lughah, al-Bari Tahdhib al-Lughah, al-Muhit al-Lughah, al-Mukhassis* (Husaimi 2002).

Manakala penggunaan istilah “*al-Qamus*” mula digunakan oleh al-Fayruz Abadi (817H) pada karyanya *al-Qamus al-Muhit* yang bermaksud buku diibarat bagai lautan yang luas dan dalam (Ibn Manzur 1994). Perkaitan perkataan *al-Qamus* dengan lautan disebabkan ilmunya yang pelbagai dan mendalam seperti lautan yang mempunyai pelbagai haiwan dan tumbuhan (Muhammad Marwan & Wan Moharani 2009). Dewan bahasa di Kaherah telah bersetuju memperakukan pengertian *al-Qamus* dengan *al-Mu'jam* adalah sinonim. Perkataan *al-Qamus* mula digunakan secara meluas pada pelbagai jenis buku yang mengandungi mengandungi himpunan perkataan yang mempunyai penjelasan maksud (Muhammad Marwan & Wan Moharani 2009).

### **Faktor-faktor Berlakunya Penyusunan Perkamusan Arab**

Sebelum zaman Kerajaan Abbasiyah, bangsa Arab terutama umat Islam tidak banyak yang menyedari kepentingan penyusunan perkamusan bahasa Arab. Menurut Emil Ya'qub, terdapat tiga faktor yang menyebabkan bangsa Arab mengalami sedikit ketinggalan dalam penyusunan perkamusan Arab (Hikmat Kasli Fawaz 1996):

1. Kebanyakan bangsa Arab masih *ummy* (buta huruf) sebelum kedatangan Islam, bangsa Arab yang dapat membaca dan menulis dapat dikatakan amat sedikit. Pada zaman wahyu al-Quran diturunkan, majoriti sahabat Nabi juga banyak yang tidak mampu untuk membaca dan menulis. Hal ini jelas menunjukkan kepentingan bahasa tidak disedari oleh bangsa Arab dan apalagi untuk mengumpulkan makna kosa kata dengan menulisnya dalam bentuk kamus.
2. Tradisi hidup nomad dan berperang. Di tanah Arab, penduduknya tidak pernah menetap dan suka berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Selain tradisi berpindah-randah, penduduk tanah Arab kerap kali berperang antara *qabilah* Arab. Hal ini menjadi sebab utama bangsa Arab tidak menguasai bahasa dengan baik.
3. Bangsa Arab terbiasa dengan bahasa lisan. Tidak dapat disangkal lagi bangsa Arab sangat fanatik terhadap bahasa lisan. Mereka lebih mengagungkan tradisi *muhadathah*, *khitobah* dan syair. Ketiga faktor diatas mengakibatkan bangsa Arab sangat tertinggal dari bangsa-bangsa lain dalam penyusunan perkamusan Arab.

### **Antara faktor yang mendorong bangsa Arab untuk menyusun perkamusan Arab:**

1. Keperluan bangsa Arab dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Kedatangan Islam mengubah makna beberapa perkataan dan memasukkan kata-kata baru yang mempunyai maksud yang berlainan. Peralihan dari makna lama ke makna yang baru secara tidak langsung lebih mudah untuk difahami oleh masyarakat tanah Arab dan memberi kesukaran kepada mereka yang tidak menguasai bahasa Arab terutamanya mereka yang tinggal selain dari Tanah Arab walaupun mereka amat bersemangat untuk mempelajari kandungan ayat-ayat suci al-Quran.
2. Banyaknya buku-buku tafsir yang terbit pada masa awal al-Quran dan Hadith tentang *gharaib* atau kata-kata asing. Misalnya saja, *Gharib al-Hadis* Karya Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaibah (276H), *Gharib al-Hadis* karya Abu Ubaid al-Qasim bin Salam al-Harawiy (224H), *Ma'ani al-Qur'an* karya Abu Ja'far al-Nuhhas (338H) dan lainnya.
3. Munculnya ilmu-ilmu metodologi pertama dalam Islam. Perkembangan kebudayaan dan pemikiran Islam terutama pada zaman pemerintahan Abbasiyah yang melahirkan berbagai disiplin ilmu dan karya-karya ilmiah. Semua ini tidak terlepas dari perkembangan bahasa Arab. Bangsa-bangsa di luar Arab memberi saham tertentu dalam perkembangan dalam ilmu pengetahuan dalam Islam, sehingga muncul ilmu ilmu metodologi seperti ilmu tatabahasa, ilmu tafsir, ilmu nahu, ilmu balaghah, ilmu *fiqh* dan *usul al-fiqh* serta sebagainya yang kesemuanya bertujuan untuk memelihara dan menjaga al-Quran. Selain itu, gerakan menterjemahkan ilmu-ilmu dari kebudayaan lain juga mendorong perkembangan kamus-kamus terjemahan dalam kalangan orang Arab.

## **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

### **Khalil bin Ahmad**

Abu Abd Rahman merupakan gelaran orang-orang Arab kepada Khalil bin Ahmad bin Ahmad bin Malik bin Fahim Abdullah bin Malik bin Mudar al-Farahidi al-Azdi al-Basri yang keturunan arab Marga al-Farahid yang berasal daripada kabilah suku Bani Azid al-Yamaniyyah (Yaqut al-Hamawi 1936). Beliau dilahirkan pada tahun 100H di Oman, kemudian ibu bapanya telah membawa beliau ke Basrah ketika masih kecil lagi dan beliau membesar dengan menimba ilmu pengetahuan sehingga menjadi tokoh ilmuan *nahwu* Basrah yang terkenal. Al-Khalil hidup dalam keadaan sederhana dan amat menghormati para ilmuan sehingga terkenal sebagai seorang yang warak, zuhud serta *qana'ah*. Beliau meninggal dunia di Basrah dan

terdapat tiga pendapat menyatakan tahun kewafatan beliau sama ada pada 175H, 174H atau 170H (Ibrahim Naja' 2008).

Al-Khalil dibesarkan pada abad ke-2H semasa pemerintahan Abbasiyyah pertama (132-323H). Pada zaman tersebut, kerajaan Islam telah mencapai tahap ketamadunan yang tinggi, budaya gemarkan terhadap ilmu pengetahuan, memuliakan para ulama, sasterawan dan ahli bahasa telah sebatи dalam jiwa para khalifah pada waktu itu. Sehingga mereka menggalakkan lebih banyak aktiviti, majlis perbincangan, muzakarah diadakan dan mudah untuk menerima idea serta berkongsi pandangan. Perubahan senario politik daripada pemerintahan Umayyah kepada Abbasiyyah telah menyebabkan berlaku perubahan dalam masyarakat ke arah penghayatan akhlak mulia, mendorong perubahan minda dan pemikiran yang sekaligus memberi kesan terhadap bahasa dan kesusastraan (Hikmat Kasli Fawaz 1996).

Oleh hal demikian, perkembangan bahasa pada zaman tersebut telah menerima kemasukan kata dan istilah yang banyak hasil daripada perkembangan tamadun dalam sektor pentadbiran, kedoktoran, falsafah, perundangan Islam, akidah dan lain-lain. Orangorang Arab mula menggunakan pakai bahasa asing dalam interaksi harian dengan mempelbagaikan makna mengikut keperluan. Antara tokoh yang hidup sezaman dengan alKhalil bin Ahmad al-Farahidi iailah Imam Hanafi (150H) dan Imam al-Shafie (150-204H) yang mana masing-masing merupakan tokoh yang hebat dalam perundangan Islam dan pengasas kepada Mazhab bagi agama Islam (Husaimi 2002).

Keperluan terhadap tokoh seperti al-Khalil pada waktu tersebut menyebabkan beliau melibatkan dirinya dalam usaha memantapkan ilmu pengetahuan. Beliau telah memberi banyak sumbangan dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh, beliau melahirkan sasterawan dalam bidang bahasa di mana sumbangan itu telah memberi keseimbangan kepada keagungan peradaban Islam hasil daripada penimbaan ilmu pengetahuan beliau dalam kalangan ilmuwan khususnya di Basrah (Husayn Nassar 1988). Antara guru beliau ialah Abu Amir bin al-A'la (154H) dan Abdullah bin Kathir (120H). Sementara itu, beliau juga menjadi guru kepada al-Asma'i Abd al-Malik bin Qurayb (219H). Amr bin Uthman Sibawayh (180H), Abu Hasan Nadr bin Sumayl al-Mazini al-Tamimi (203H), Abu Zaid al-Sadusi (195H) dan Ali bin Nasr al-Jahdami (187H). Antara sumbangan lain beliau adalah (Hikmat Kasli Fawaz 1996):

1. Beliau seorang sarjana tatabahasa yang hebat.
2. Pengasas kamus Arab.
3. Pengasas ilmu *Arudh* (Prosodi).
4. Pengasas sistem tanda baca.

### ***Kitab al-Ayn***

*Kitab al-Ayn* merupakan sebuah kamus yang dikarang dan disusun oleh al-Khalil bin Ahmad. Kamus tersebut merupakan karya pertama beliau hasil pembukuan dan pengumpulan perkataan Arab dalam bidang bahasa. Para sejarawan bersepakat mengatakan permulaan sejarah perkamusan mula lahir dalam kalangan orang Arab pada zaman permulaan Kerajaan Abbasiyah (133-233H) apabila para sasterawan dan ahli bahasa pergi ke perkampungan *badwi* mendengar dan mencatat setiap perkataan Arab yang didengar tanpa mengikut kaedah dan susunan tertentu kecuali kaedah *sima'i* (pendengaran) (Muhammad Marwan & Wan Moharani 2009).

Permasalahan mula timbul apabila mereka sukar untuk mencari makna perkataan yang diperlukan, mereka terpaksa meneliti setiap perkataan sehingga berjumpa dan ianya merumitkan keadaan. Al-Khalil mula mengambil inisiatif menggarang *Kitab al-Ayn* dengan mengumpulkan semua perkataan mengikut cara termudah dengan huraian yang jelas mengikut keselesaan bagi sesiapa yang ingin merujuk dan mencari perkataan dalam sesebuah kamus. Hal ini kerana, penulisan atau buku-buku bahasa sebelum ini telah disusun berdasarkan tema-tema tertentu dalam risalah-risalah kecil yang terasing dan tiada sebuah pun kitab yang mengumpulkan semua perkataan seperti *al-Ayn* (Abdul Karim 2010).

### **Sebab dinamakan *Kitab al-Ayn***

Al-Khalil menamakan karyanya dengan *Kitab al-Ayn* bersempena huruf *hijaiyah al-ayn* merupakan huruf pertama kepada susunan huruf mengikut *makhraj sawtiyyah* (tempat keluar huruf) dengan mengambil kira dari segi bunyi sesuatu huruf tersebut. Beliau memulakan dengan huruf yang keluar dari halkum, kemudian tempat keluarnya di lidah diikuti pula bibir dan akhir huruf yang keluar daripada rongga mulut. Ketika beliau meneliti huruf yang paling jauh dan dalam tempat keluarnya iaitu halkum. Beliau mendapati bahawa huruf *ayn* adalah huruf pertama yang paling ketara (Hikmat Kasli Fawaz 1996).

Dengan itu, kelahirannya membawa kesan positif kepada tokoh bahasa yang mengarang kamus dalam satu aliran dengan menokok

tambah dan membuangnya. Terdapat juga yang mengkritik dan ada juga yang mempertahankan *Kitab al-Ayn*. Antara kitab lain yang telah dilahirkan dari *Kitab al-Ayn* seperti *Kitab al-Bari* oleh Abu Ali al-Qali (356H), *al-Tahdhib* oleh al-Azhari (370H), *al-Muhkam* oleh Ibn Sidah (458H). Semua kamus berikut disusun mengikut aliran tukar ganti bunyi (*taqlibat sawtiyyah*) dengan sedikit perubahan mengenai tertib susunan hurufnya dan *Kitab al-Ayn* merupakan asas kepada kelahiran kamus Arab yang lain sama ada dalam aliran yang sama ataupun berlainan aliran.

### **Keistimewaan *al-Ayn***

*Kitab al-Ayn* merupakan kamus terawal yang disusun mengikut kaedah penyusunan *makharij al-huruf*. Salah satu keistimewaannya adalah ianya menjadi pelopor kepada perkembangan penyusunan perkamusan arab yang lain. Keistimewaan yang lain boleh la dirumuskan seperti berikut :

1. *Kitab al-Ayn* menggunakan kaedah tukar ganti yang mana ianya memberi kemudahan kepada pelajar untuk mengetahui beberapa perkataan lain dapat dihasilkan melalui huruf-huruf yang sama.
2. Dapat membezakan perkataan yang selalu digunakan oleh orang Arab (مستعمل) dan perkataan yang tidak digunakan oleh orang Arab ( مهم ) kerana wujudnya nota kaki dalam kamus tersebut.
3. *Kitab al-Ayn* telah mengingatkan mengenai prinsip dasar *makhraj al-sawti* iaitu huruf-huruf yang sama makhrajnya tidak boleh berdekatan dalam satu perkataan. Sekiranya ini berlaku di anggap *nadir* (janggal atau jarang berlaku) kecuali dalam istilah *al-Naht* (singkatan dua perkataan menjadi satu).
4. Kitab ini menghuraikan makna sesuatu perkataan dengan lebih mendalam beserta sumber bukti dari al-Quran, al-Sunnah, Puisi dan Prosa Arab.

### **Metodologi al-Khalil dalam *al-Ayn***

Metodologi yang digunakan al-Khalil dalam *al-Ayn* ini dapat dijelaskan seperti berikut (Husaimi 2002):

1. Penyusunan kosa kata yang dilakukan oleh al-Khalil adalah berdasarkan susunan makhraj (tempat keluar huruf) sesuatu huruf, huruf yang makhraj sebutannya lebih dalam dikira sebagai huruf pertama iaitu huruf yang keluar di halkum seperti - ح - خ - ق - ك - ج - ع - ه diikuti dengan huruf yang keluar di lidah - ل - ن - ش - د - ظ - ص - ض - ز - ط ت - ذ - ر - ئ - ئ ، kemudian

huruf yang keluar di bibir ف - ب - م dan berakhir dengan huruf yang keluarnya dari rongga luar mulut ialah و - ا - ي . Susunan huruf keseluruhannya di sisi al-Khalid bin Ahmad ialah seperti berikut (Ibrahim Naja' 2008):

ع ح خ غ / ق ك / ج ش ض / ص س ز / ط د ت / ظ ث ذ / ر ل ن / ف ب م / و ا  
ي

Al-Khalil menjadikan setiap salah satu daripada huruf di atas dengan kitab bermula dengan kitab ع kemudian kitab ح diikuti pula kitab ئ hingga hal huruf akhir *hijaiyyah* (alfabet arab) mengikut susunan makhraj yang beliau cipta.

2. Al-Khalil menyusun kosa kata mengikut kaedah *al-taqlibat* (tukar ganti) yang beliau cipta sendiri, setiap kosa kata yang asalnya daripada huruf sama boleh ditukar ganti diletakkan dalam satu bab (kitab). Perkataan yang kata dasarnya dua huruf (*thuna'i*) boleh ditukar ganti dua kali, contoh عق و فع mulakan dengan *ayn* sekali dan pada bahagian yang lain mulakan dengan *qaf* pula iaitu ia dikeluarkan dalam kitab sementara yang tiga huruf (*thulathi*) boleh diganti enam kali contoh perkataan ع - ن - ع ن - ع د ن - ع د ن - ع ن د - ع د ن - ع ن د .
3. Beliau menyusun kosa kata mengikut kata dasar bagi satu-satu perkataan, atau dengan kata lain mengembalikan setiap perkataan kepada huruf asalnya dengan membuang huruf imbuhan. Contohnya استیطان kata dasar perkataan ini sudah dibuang huruf imbuhaninya ialah وطن. Antara huruf imbuhan tersebut ialah:
  - a. Alif dan lam *al-ta`rif* - (الـ)
  - b. Penanda kata berkembar (*muthanna*) - (ـ)
  - c. Penanda kata jamak (ـون، ـين)
  - d. Kata jamak maskulin (ـات)
  - e. Penanda kata nisbah
  - f. Penanda kata seru (ـيا)
  - g. Huruf *mudhara `ah* (ـا، ـن، ـي، ـت)
  - h. Huruf *i`rab*
  - i. Penanda *ta`nis* (ـة)
4. Mendahulukan kosa kata mengikut bilangan huruf (*kammiyyah*), perkataan yang paling sedikit bilangan hurufnya didahulukan dan diletakkan di bawah satu kitab. Kemudian kitab tersebut dipecahkan kepada beberapa bab bererti setiap kitab diklasifikasikan mengikut bab.

5. *Al-Thulathi al-Sahih* iaitu perkataan yang mengandungi tiga huruf sahih berdasarkan asal kata dasarnya. Contoh perkataan جعل. Manakala *al-Thulathi al-Mu'tal* iaitu perkataan yang mengandungi dua huruf sahih dan satu huruf 'illah sama ada dalam bentuk *bina mithal* (huruf 'illah dihadapan kalimah) seperti وعَدْ atau *bina ajwaf* (huruf 'illah berada ditengah kalimah) seperti قال and *bina naqis* seperti جري. *al-Lafif* dapat dibahagikan kepada dua iaitu:
  - a. *al-Lafif al-Maqrun*: *ayn* dan *lam* kata kerja berhuruf 'illah contohnya طوي.
  - b. *al-Lafif al-Mafruq*: *fa* dan *lam* kata kerja berhuruf 'illah contoh وشى.
6. *Al-Ruba'i* iaitu perkataan yang mengandungi dalamnya empat huruf seperti perkataan درج - عقرب - ددم - سوس - صرصر. Bagi perkataan زلزل - ينبع - ملوك - ملوك tidak dimasukkan dalam *rubai* kerana al-Khalil menilainya sebagai *al-Thuna'i* sekalipun tokoh *surf* menilai sebagai *rubai* berganda.
7. *Al-Khumasi* iaitu perkataan yang terdapat dalamnya lima huruf contoh perkataan ini tidak terdapat dalam kata kerja, yang ada pada kata nama sahaja seperti perkataan سفرجل. Beliau telah meletakkan bentuk *al-Ruba'i* dan *al-Khumasi* dalam satu bab sahaja kerana beliau mendapati perkataan yang berbentuk demikian tidak banyak ditemui.
8. Perkataan terakhir mengikut susunan al-Khalil bin Ahmad ialah *al-Mu'tal* iaitu perkataan selain daripada *thulasi mu'tal* yang lalu. Al-Khalil menilai hamzah sebagai salah satu huruf 'illah, contohnya عجاب.

Al-Khalil bin Ahmad menggunakan istilah *al-Musta'mal* (المستعمل) bagi perkataan yang digunakan oleh orang Arab dan mengandungi makna, manakala istilah *al-Mahmul* (المهمل) memberi erti perkataan yang tidak digunakan oleh orang Arab dan kemungkinan tidak mengandungi apa-apa makna.

Al-Khalil bin Ahmad menggunakan al-Quran Karim, al-Hadith al-Nabawi, kalam Arab yang fasih, prosa maupun puisi bagi mengukuhkan huraiannya sebagai sumber dalil (Hikmat Kasli Fawaz 1996). Hal ini bersesuaian dengan tujuan al-Khalil bin Ahmad mencipta kamus ini untuk membantu memenuhi keperluan para pelajar dan pengkaji. Dalam usaha sama, beliau tidak hanya

menghuraikan makna perkataan tersebut, malah beliau juga menyokong huraiannya dengan sumber dalil yang *mu'tabar*. Dalam hubungan ini, al-Khalil menggunakan dalil puisi Arab lebih banyak jika dibandingkan dengan sumber-sumber dalil lain kerana puisi merupakan dewan orang Arab sebelum kedatangan Islam. Puisi mengabadikan salasilah keturunan (*ansab*) dengannya, juga dijadikan bahan pengajaran bahasa Arab dan ia juga dijadikan sebagai hujah bagi sesuatu keraguan dan kejanggalan yang terdapat *al-Quran al-Karim* dan *al-Hadith al-Nabawi*.

## KESIMPULAN

*Kitab al-Ayn* merupakan sebuah kamus agung karangan al-Khalil bin Ahmad. Beliau merupakan pengasas kepada ilmu perkamusan melalui pengumpulan perbendaharaan kosa kata Arab mengikut kaedah tukar ganti yang menjadi pelopor kepada kaedah atau metode penyusunan perkamusan Arab yang lain. Sumbangan beliau bukan sahaja dalam perkamusan Arab, malah beliau juga adalah guru kepada sasterawan hebat dan pengasas kepada ilmu *qafiah* dan sistem tanda baca Arab. Dengan wujudnya *Kitab al-Ayn*, ianya banyak memberi manfaat kepada masyarakat khususnya yang baru mempelajari bahasa Arab dan secara tidak langsung dapat mengetahui kaedah pencarian makna kalimah dengan betul disamping mengetahui sejarah penyusunan perkataan yang terdahulu.

## Rujukan

- Abd al-Qadir Abd Jalil. 1997. *al-Madris al-Mu'jamiyyah*. Jordan: Dar al-Safa.
- Abdul Karim, M. M. 2010. *Manahij al-ta'lif al-Mu'jami Inda al-Arab: Ma'ajim Ma'ani wa al-Mufradat*. Amman: Dar al-Thaqafa.
- Abu Abdullah, H. al-H. & Nur Azlina, A. 2011. *Dirasah Mu'jamiyah wa Lughawiyah Taqabaliyah lil Darisin fi al-Jamiat al-Maliziyyah*. Gombak: IIUM Press.
- Emil Ya'qub. 1985. *Al-Ma'ajim al-Lughawiyah al-Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Ilmi li al-Malayin.
- Fati Churohmah, S. Hum. 2016. *Perbandingan Komponen Kelengkapan Kamus Pada Kamus Bilingual Mneurut Ali al-Qasimi antara Kamus Munawwir dan a Dictionary of Modern Written Arabic*. UIN Sunan Kalijaga.
- Hikmat Kasli Fawaz. 1996. *Dirasat Mu'jamiyah Lughawiyah: Kitab al-Ayn Lil Khalil Ibn Ahmad al-Farahidi*. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Husaimi, H. O. 2002. *Perkamusan Arab dan Kajian Bandingan Antara Metodologi al-Khalil dalam al-Ayn dengan al-Fayruz*

- Abadi dalam al-Qamus al-Muhit.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husayn Nassar. 1988. *al-Mu'jam al-Arabi*. Kaherah: Dar Misr al-Tibaah.
- Ibn Manzur. 1994. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim Naja'. 2008. *al-Ma'ajim al-Lughawiyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Marwan, I. & Wan Moharani, M. 2009. *Kajian Semantik Dan Mu'jam Arabiy*. Hlm. Pertama. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Taufiqurrochman, H. R. 2008. *Leksikologi Bahasa Arab*. UIN-MALANG PRESS.
- Teuku Iskandar. 1991. *Kamus Dewan*. (S. S. Sheikh Othman, Ed.). Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaqut al-Hamawi. 1936. *Mu'jam al-Udaba*. Kaherah: Dar al-Ma'mun.